

PENYERTAAN PU LABUAN DALAM PERARAKAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4149-penyertaan-pu-labuan-dalam-perarakan-maulidur-rasul-peringkat-wilayah-persekutuan-labuan

LABUAN, 20 Nov 18 – Pangkalan Udara Labuan telah menyertai Perarakan Maulidur Rasul Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan yang telah diadakan di Dataran Labuan. Pelbagai kategori telah dipertandingkan dan PU Labuan telah menghantar wakil bagi kategori pasukan beruniform.

Turut hadir menyertai perarakan Panglima Wilayah Udara 2, Brig Jen Dato Hj Yazid bin Arshad TUDM, Komander Pangkalan, Brig Jen Dato Hj Sardon bin Hassan TUDM serta beberapa pegawai kanan Pangkalan. PU Labuan telah memenangi 2 kategori yang dipertandingkan iaitu kategori sepanduk terbaik mendapat tempat ketiga dan tempat pertama bagi kategori perarakan terbaik bagi pasukan beruniform. Tahniah diucapkan kepada wakil perarakan PU Labuan.



